

29 MAY 2003

Mahathir-Rombakan

DR MAHATHIR AKAN PUTUSKAN ROMBAKAN KABINET BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan hanya membuat keputusan mengenai rombakan kabinet selepas kembali daripada lawatan ke luar negara bulan depan.

Perdana Menteri berkata beliau telah menerima senarai calon MCA untuk mengisi kekosongan jawatan Menteri Pengangkutan yang dikosongkan oleh Datuk Seri Dr Ling Liong Sik daripada Presiden parti itu Datuk Seri Ong Ka Ting.

Ketika ditanya sama ada rombakan itu hanya melibatkan pemimpin MCA, beliau berkata: "Boleh jadi, tapi tak berani nak cakap kerana saya belum fikir lagi."

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai rombakan kabinet dan pengganti Dr Ling selepas menghadiri perhimpunan Hari Pekerja 2003 bagi sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara, di sini, hari ini.

Beliau berkata buat masa sekarang jawatan Menteri Pengangkutan dipangku oleh Ong, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi ia tidak bermakna beliau akan terus memegang jawatan itu.

Perdana Menteri berkata rombakan yang akan dibuat nanti akan memastikan kerajaan bergerak secara lebih efisien.

"Saya akan mencari orang yang boleh berkhidmat. Saya tidak selalu menukar kabinet saya kerana saya mempunyai keyakinan (dalam kabinet yang ada) tidak seperti negara lain yang selalu merombak (kabinetnya)," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan membincangkan susunan kabinet yang baru dengan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata: "saya bukan orangnya yang membuat keputusan tanpa berunding dengan seramai mungkin orang dan tidak semestinya saya akan mengikut pandangan mereka, tetapi biasanya saya bertanya dengan orang lain," katanya.

Dr Mahathir akan berlepas ke Evian, Perancis, Jumaat ini untuk menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota bermula 31 Mei hingga 2 Jun dan mengadakan lawatan kerja ke Jepun dari 2 hingga 6 Jun.

-- BERNAMA

HK NN KHY RON